

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

17 GLAUKOMA MENGANCAM PENGLIHATAN

APR



KOTA BHARU KELANTAN, 16 April 2015 – Menyedari hakikat masyarakat umumnya tidak menyedari glaukoma yang menjadi pembunuhan senyap penglihatan, Jabatan Oftalmologi Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Unit Kejururawatan Hospital USM mengadakan pemeriksaan mata secara percuma kepada masyarakat setempat untuk menyampaikan maklumat berhubung penyakit sempena sambutan ‘Minggu Glaukoma Sedunia 2015’ bertempat di Ruang Legar Pusat Membeli-belah KB Mall, Kota Bharu.



Menurut Ketua Jabatan Oftalmologi, Profesor Dr. Liza Sharmini Ahmad Tajudin, pameran ini diadakan untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat tentang penyakit glaukoma agar mereka berwaspada kerana individu berumur 40 tahun ke atas berisiko mendapat penyakit tersebut.

Jelas Liza Sharmin, ramai yang tidak tahu apa sebenarnya penyakit tersebut yang menjadi antara penyebab utama masalah kebutaan di seluruh dunia tanpa disedari oleh pesakit.

Glaukoma ialah sejenis penyakit mata yang membawa kepada kerosakan saraf optik. Saraf optik yang sihat adalah penting untuk transmisi maklumat dari mata ke bahagian otak. Glaukoma boleh mengakibatkan kehilangan penglihatan secara beransur-ansur yang akhirnya membawa kepada kebutaan kekal.



Walaupun masalah glaukoma tersebar luas, namun masyarakat tidak menyadarinya dengan banyak tanggapan yang salah tentang gejala serta golongan yang menghidapnya.

World Glaucoma Day (WGD) atau Hari Glaukoma Sedunia dideklarasikan pada 6 Mac 2008 dan disambut pada setiap hari Khamis minggu kedua.

“Ramai dalam kalangan masyarakat kita yang beranggapan apabila mengalami kekaburuan itu akibat faktor usia sedangkan mereka berkemungkinan mengidap glaukoma kerana dalam kebanyakan kes, hanya sedikit atau mungkin tidak ada langsung gejala yang dikesan yang jika tidak dirawat di peringkat

awal, pesakit akan mengalami kebutaan kekal," tambah Liza Sharmini.



Mereka yang membuat pemeriksaan mata sepanjang pameran ini diberikan tarikh temujanji untuk rawatan susulan jika berisiko atau didapati mengidap penyakit glaukoma untuk membantu masyarakat lebih peka dalam menjaga kesihatan mata.

"Glaukoma boleh menjelaskan sesiapa sahaja dan sudah tiba masanya untuk mendidik diri serta keluarga tentang risiko yang ada," kata Liza Sharmini. - Teks: Lailatul Hafiza Abdul Rashid/Foto: Mohd Hafiz Yaacob



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015